

30 JUN 1998

Mahathir-penerbangan

PENERBANGAN DALAM NEGERI PERTAMA DARI KLIA BAWA MAHATHIR

SEPANG, 30 Jun (Bernama) -- Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) mula beroperasi dengan penerbangan dalam negeri pertama, pesawat Penerbangan Malaysia MH 1432 ke Langkawi membawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pesawat Boeing 777 itu berlepas dari lapangan terbang berharga RM9 bilion itu pada pukul 7.10 pagi.

Turut bersama Dr Mahathir dalam penerbangan bersejarah itu ialah isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Pengerusi Eksekutif Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli.

Penerbangan antarabangsa yang pertama pula ialah pesawat Airbus 330 MH 188 dari Male, Maldives pada pukul 7.45 pagi ini.

Sementara itu, pesawat yang membawa Dr Mahathir tiba di lapangan terbang antarabangsa Langkawi pada pukul 8.15 pagi.

Dr Mahathir disambut oleh Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid dan anggota parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, pasukan menembak dan ragbi negara ke Sukan Komanwel Kuala Lumpur.

Dr Mahathir yang dijangka meninjau beberapa projek pembangunan di pulau peranginan itu dijadual kembali ke Kuala Lumpur petang ini.

Seorang rakyat Australia, Gayle Hardy, 46, yang merupakan antara 132 penumpang pada penerbangan MH188, berkata beliau berasa bangga kerana merupakan antara penumpang antarabangsa yang pertama yang menjejakkan kaki di KLIA.

"Saya merasa bertuah kerana berada di sini dan sangat bangga apabila diberitahu bahawa saya menaiki penerbangan antarabangsa yang pertama yang bakal mendarat ke lapangan terbang baru ini yang serba cantik," kata Hardy.

Seorang lagi rakyat Australia, Stephen MacBlane berkata beliau mendengar mengenai KLIA daripada seorang pemandu teksi semasa bercuti di Malaysia 10 hari lalu.

"Ya, saya mendengar mengenai KLIA daripada seorang pemandu teksi tetapi kegembiraan kerana berada di sini mengatasi segala-galanya. Saya sangat gembira," katanya.

Juruterbang penerbangan MH188 itu, Kapten Missman Lhan, yang mempunyai pengalaman selama 17 tahun, juga berkongsi keseronokan kerana mendaratkan penerbangan antarabangsa yang pertama di KLIA.

"Semuanya berjalan lancar. Kami mendapat panduan yang jelas dari menara kawalan dan pendaratannya sungguh lancar. Tidak ada masalah langsung," katanya.

Lhan berkata kemudahan dan sistem di KLIA adalah antara yang terbaik di dunia.

Khairuddin Osman, seorang pelajar Malaysia yang pulang dari Universiti Al Azhar di Kaherah, berkata beliau mendapat maklumat mengenai KLIA menerusi Internet.

KLIA dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar Sabtu lepas.

-- BERNAMA

MHI AKD